

06 OCT 2000

Mahathir-Lotus

PROTON BEKERJASAMA DENGAN LOTUS KELUAR KERETA SPORT

Oleh: Wan A. Hulaimi

HETHEL (DEKAT Norwich), 6 Okt (Bernama) -- Proton akan menerokai pengeluaran kereta sport melalui projek barunya Proton Malaysian Sports Car (MSC) dengan kerjasama Lotus, kumpulan kejuruteraan yang dibeli oleh Proton pada Oktober 1996.

Kereta sport itu yang namanya belum diumumkan tetapi menggunakan deskripsi Proton Ultimate, akan mempunyai dua tempat duduk dan dibina menggunakan cassis aluminium berteknologi tinggi dan badan komposit yang canggih.

Pengumuman mengenai perkara itu dibuat hari ini semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir.

Proton akan menjalankan kerja-kerja projek berkenaan bersama Lotus, anak syarikat Proton yang juga bekerjasama dengan Proton dalam pengeluaran Proton Waja.

Proton membelanjakan RM600 juta bagi pembangunan baru itu termasuk cawangan baru Lotus yang dirasmikan oleh perdana menteri hari ini.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir juga melancarkan projek baru Proton Small Engine (SENG), yang pertama bagi Proton dalam sejarahnya selama 15 tahun, bagi menceburi rekabentuk dan membangunkan enjin petrolnya bagi pengeluaran besar-besaran.

Kereta sport baru itu, yang Proton dan Lotus mengusahakannya dengan 200 bhp, akan mempunyai kuasa pecutan 0-100 km/h dalam masa kurang enam saat.

Pengeluaran badan dan casis Proton Ultimate adalah berdasarkan teknologi yang asalnya digunakan dalam pengeluaran Lotus Elise.

Lotus menyatakan bahawa teknologi ini diterokai selanjutnya dan dihasilkan bagi projek baru Lotus supercar M250 dan falsafah ini akan digunakan dalam pengeluaran kereta sport Malaysia (MSC).

MSC akan dibina di Malaysia dengan jumlah pengeluaran sehingga 3,000 setahun untuk tempoh lima tahun dan dapat menjimatkan kos dengan ada pembekal tempatan Proton.

Kereta itu difahamkan akan dijual dengan harga kurang RM200,000 dan sasarannya ialah pasaran Asean.

"Program kejuruteraan mencerminkan langkah penting dalam kerjasama antara pasukan kejuruteraan Proton dan Lotus dan proses ini telahpun menghasilkan kejayaan dengan pengeluaran Proton Satria Gti dan yang terbaru, Proton Waja.

"Pasukan bersama itu akan menjalankan kerja-kerja rekabentuk konsep di UK dengan memanfaatkan teknologi Lotus. Kemudian, ujian, pembangunan dan pengeluaran akan dijalankan di Malaysia menggunakan kemudahan canggih Proton, menurut kenyataan bersama Proton-Lotus hari ini.

Ketua Eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff berkata dengan menggunakan kepakaran Lotus dan membangunkan kepakaran pembanmgunan produk Proton, mereka dapat menghasilkan kereta ini dengan pelaburan yang rendah dan pada masa yang sama menggunakan tahap teknologi yang tinggi.

Ketika berucap, Tengku Mahaleel berkata keputusan untuk memiliki Lotus telah membawa hasil dan sejak 1997, jumlah pendapatan dan pengambilan pekerja telah meningkat.

Ketua Pegawai Eksekutuf Lotus Group Datuk Chris Knight berkata dalam tempoh empat tahun sejak pembelian Lotus oleh Proton, bangunan-bangunan, kakitangan dan pelaburan telah meningkat dua kali ganda.

Beliau berkata jumlah kakitangan telah bertambah daripada 1,100 kepada 2000, sementara perolehan dan keuntungan juga telah meningkat.

-- BERNAMA

WAH JK FAZ